

MERISLON TABLETS®

BETAHISTINE MESILATE (6mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan **MERISLON®**
2. Bagaimana **MERISLON®** berfungsi
3. Sebelum menggunakan **MERISLON®**
4. Cara menggunakan **MERISLON®**
5. Semasa menggunakan **MERISLON®**
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan **MERISLON®**
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan **MERISLON®**

MERISLON® adalah digunakan untuk gaya dan pening yang berkaitan dengan penyakit-penyakit berikut:

- Penyakit Meniere
- Sindrom Meniere
- Peripheral vertigo

Bagaimana **MERISLON®** berfungsi

MERISLON® adalah vasodilator di mana ia meningkatkan aliran darah di dalam telinga. Ia mengendurkan otot licin di telinga dalam, dengan itu meningkatkan peredaran darah. Ia juga memperbaiki peredaran di dalam otak dengan meningkatkan aliran darah ke otak. Oleh itu, **MERISLON®** adalah berindikasi untuk melegakan gaya dan pening.

Sebelum menggunakan **MERISLON®**

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh menggunakan **MERISLON®** jika anda mengalami alahan kepada bahan-bahan kandungannya.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil [**MERISLON®**] jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Jangan ambil **MERISLON®** jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan **MERISLON®**

Beritahu doktor anda jikalau anda sedang atau pernah mengalami kesakitan berikut:

- ulser perut
- asma bronkial,
- tumor di dalam kelenjar adrenal (pheochromocytoma)

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan **MERISLON®**

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos dewasa adalah 1 hingga 2 biji tablet (6-12 mg betahistine mesylate), tiga kali sehari selepas makan. Dos perlu diselaraskan mengikut usia pesakit dan keterukan gejala-gejala.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaa ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa

biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan **MERISLON®**

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan [**MERISLON®**].

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi [**MERISLON®**] dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Sekiranya tanda-tanda berikut muncul, rawatan perlu dihentikan dan dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

- Loya atau muntah-muntah mungkin berlaku
- Hipersensitiviti seperti ruam

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.gov.my (Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF or Vaccines (AEFI))).

Cara penyimpanan dan pelupusan MERISLON®

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 25°C

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

MERISLON ® tablet berwarna putih dengan " € 150" di sebelah.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Betahistine Mesilate
- Bahan tidak aktif
Low substituted hydroxypropyl cellulose, Hydroxypropyl cellulose, Hydrated silicon dioxide, Calcium citrate, Microcrystalline cellulose, Talc.

- Nombor MAL
MAL19861236AZ

Pengilang

Eisai Co., Ltd. Kawashima Plant
1, Kawashimatakehaya-machi,
Kakamigahara-shi,
Gifu-ken, Japan

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd
B-11-01, The Ascent, Paradigm
No.1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/01/2024

Nombor Siri:

NPRA (R1/3) 03012024/004